

23/03/2002

SSB: Kertas cadangan kemuka pengubahsuaian kenaikan gaji

Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kertas cadangan pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) yang menjalani proses pembaikan kali kedua untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji Anggota Sektor Awam mungkin membabitkan perubahan cadangan pengubahsuaian kenaikan gaji.

Perubahan juga dijangka membabitkan permintaan pemberian elaun kritikal kepada kira-kira 30,000 kakitangan Kementerian Kesihatan, selain doktor dan jururawat.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Abdul Rahman Manan, berkata pihaknya sebelum ini meminta pengubahsuaian pada gaji dengan kenaikan antara dua hingga 30 peratus membabitkan seluruh kakitangan awam daripada berjawatan rendah hingga tinggi.

Katanya, bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan kerajaan perlu perbelanjaan tambahan lebih RM1 bilion setahun jika mengguna pakai pendekatan baru yang disyorkan dalam kajian semula SSB.

"Sehubungan itu, kami menjangka perkara berkenaan diperhalusi lagi dalam kertas cadangan baru itu. Namun, kami tidak mempunyai maklumat mengenainya. Ia adalah keputusan kerajaan dan Cuepacs hanya akan dimaklumkan selepas ia dikemukakan kepada Perdana Menteri," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman semalam bahawa kajian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai skim itu sudah selesai dan akan diserahkan kepada jawatankuasa yang dipengerusikan Perdana Menteri.

Abdul Rahman berkata, walaupun pihaknya tidak mempunyai maklumat berkenaan, JPA ada memberikan jaminan bahawa kebanyakan permintaan Cuepacs akan diambil kira.

Cuepacs sebelum ini mencadangkan penghapusan kaedah pergerakan gaji dan jadual gaji matriks. Ini bermakna empat kaedah pergerakan gaji, iaitu secara melintang, menegak, mendatar dan statik disyorkan diubah kepada sistem gaji sebaris.

(END)